

PENGGUNAAN KATA GANTI NAMA ‘DIA’ DAN ‘KITA’ DALAM PERTUTURAN KANAK-KANAK MELAYU: SATU ANALISIS PRAGMATIK

Zaitul Azma Zainon Hamzah

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis penggunaan kata ganti nama ‘dia’ dan ‘kita’ dalam pertuturan kanak-kanak Melayu. Sampel kajian (KGND) adalah terdiri daripada 25 orang kanak-kanak Tabika Kemas di kawasan Serdang.

Hasil kajian menunjukkan terdapat kekabur dalam penggunaan KGND ‘dia’ dan ‘kita’ dalam pertuturan kanak-kanak Melayu. KGND ‘dia’ digunakan untuk merujuk orang ketiga, [+manusia], iaitu sebanyak 95 daripada 135 ujaran atau 70.4 peratus yang menggunakan KGND ‘dia’. Manakala dalam konteks yang relevan, KGND ‘dia’ boleh merujuk kepada benda lain yang bukan manusia, [-manusia], iaitu sebanyak 40 daripada 135 ujaran atau 29.6 peratus.

Kekabur dalam penggunaan KGND ‘kita’ timbul apabila kanak-kanak menggunakan mereka dalam konteks yang berbeza. ‘Kita’ sebagai KGND pertama digunakan untuk menunjukkan jamak, iaitu sebanyak 110 daripada 144 ujaran atau 76.4 peratus. Di samping itu, sampel juga menggunakan ‘kita’ sebagai KGND pertama mufrad iaitu sebanyak 34 daripada 144 ujaran atau 23.6 peratus. Kekabur penggunaan KGND ‘dia’ dan ‘kita’ ini dapat diselesaikan dengan menggunakan Rangka Rujuk Silang (RRS) yang terkandung dalam teori relevan.

Abstract

The purpose of the study is to analyse the usage of pronouns ‘dia’ and ‘kita’ in Malay childrens’ conversation. Twenty five from Tabika Kemas in Serdang were selected. From the research, the findings indicated that there are ambiguities existed in the usage of the pronouns. Pronoun ‘dia’ is used to refer to third person, [+ animate], i.e . 95 out of 135 utterances or 70.4 percent. Meanwhile, in relevant contexts,

pronoun ‘dia’ is also referred to inanimate [- inanimate], i.e. 40 out of 135 utterances or 29.6 percent.

The ambiguities in the usage of pronoun ‘kita’ arises when the children used it in different contexts. Pronoun ‘kita’ is used to indicate plurality, i.e. 110 out of 144 utterances or 76.4 percent. From the study, it was also found out that ‘kita’ is used for singularity, i.e. 34 out of 144 utterances or 23.6 percent. The ambiguities in the use of ‘dia’ and ‘kita’ could be overcome with the use of Bridging Cross Reference which is contained in the relevance theory.

PENDAHULUAN

Dalam komunikasi lisan, menginterpretasikan makna ujaran kanak-kanak amat menarik untuk diselidiki secara pragmatik. Hal ini kerana semantik atau makna merupakan aspek komunikasi yang sering menimbulkan masalah antara penutur kanak-kanak dengan pendengar dewasa. Orang kerap kali bertanya, “Apakah sebenarnya yang anda maksudkan?” Kanak-kanak mempelajari aturan semantik bahasa mereka dalam jangka masa yang panjang, secara beransur-ansur. Setiap perbendaharaan kata yang mereka peroleh merupakan sumber makna yang penting bagi kanak-kanak. Kanak-kanak yang dapat menguasai perbendaharaan kata yang banyak dapat melahirkan idea, perasaan, dan sikap mereka terhadap alam keliling. Semakin tinggi keupayaan seseorang kanak-kanak itu membina ayat-ayat yang kompleks maka semakin berpotensial mereka untuk berkomunikasi dengan makna yang khusus. Tegasnya, kanak-kanak menggunakan bahasa untuk menggambarkan dunia realiti yang mereka rasai dan tempuh.

Namun demikian, ada kalanya pertuturan kanak-kanak itu dianggap kabur kerana perkataan yang digunakan itu bersifat taksa, dan individu sebagai pendengar dewasa akan menganggap bahasa itu telah disalahgunakan. Kemungkinan juga pendengar akan menganggap kanak-kanak itu kurang pengetahuan bahasanya. Perhatikan contoh yang berikut:

1. Ezzah: Kulit dia berwarna hijau. Isi dia warna kuning

Kata ganti nama dia mempunyai rujukan makna yang kabur. Makna yang jelas bagi kata-kata tersebut hanya dapat diperoleh dengan melihat cara penggunaannya, di samping merujuk secara langsung kepada keadaan kebenaran ayat-ayat yang telah dituturkan. Di sinilah perlunya penginterpretasian makna secara pragmatik yang mengambil kira faktor-faktor

keperihalan keadaan penggunaan, termasuk pengguna yang terlibat.

Makna pragmatik ialah persekitaran atau konteks sesuatu ujaran diterbitkan dalam sesuatu kegiatan komunikasi. Jadi tanpa pragmatik yang cukup, tidak mungkin sesuatu erti tumbuh dalam fikiran kanak-kanak. Hanya dengan menggunakan pendekatan pragmatik sahajalah penginterpretasian makna dapat dilakukan dengan cara yang lebih tepat dan sahih. Oleh yang demikian, makna pragmatik memang lebih sempurna kerana diinterpretasikan dengan pertimbangan tatabahasa (semantik, sintaksis) ditambah dengan pertimbangan konteks situasi sehingga makna yang diperoleh adalah makna pertuturan yang sempurna.

Sehubungan itu kajian lapangan ini dijalankan untuk mengutip data yang berkaitan dengan tajuk dan objektif kajian. Pengumpulan data ini dilakukan menggunakan kaedah pemerhatian dan tinjauan. Alat rakaman digunakan untuk merakam pertuturan kanak-kanak. Seterusnya data-data ini dianalisis secara kualitatif berdasarkan teori pragmatik, iaitu teori relevan. Pada bahagian ini, RRS yang terkandung dalam teori pragmatik digunakan untuk menjelaskan kecaburan penggunaan KGND ‘dia’ dan ‘kita’.

Pernyataan Masalah

Sehingga ke hari ini, data-data tentang penguasaan semantik dan kecekapan pragmatik dalam kalangan kanak-kanak Melayu yang berada di kelas tabika masih tandus. Daripada kajian-kajian yang telah dijalankan, didapati tatabahasa kanak-kanak Melayu yang berada di kelas tabika mempunyai ciri kecaburan bagi orang dewasa yang mendengarnya kerana kanak-kanak menggunakan bahasa dengan sewenang-wenangnya berdasarkan makna yang ingin disampaikan. Makna yang ingin disampaikan adalah berdasarkan sesuatu yang difikirkannya, dan kerap kali makna ini tidak sama dengan makna yang ditanggap oleh orang dewasa. Contohnya dalam penggunaan kata ganti nama diri (seterusnya dikenali sebagai KGND) ‘dia’ dan ‘kita’.

Oleh sebab daptan kajian sebelum ini tidak menjelaskan perkembangan bahasa, khususnya penggunaan KGND dalam kalangan kanak-kanak tabika yang berumur dalam lingkungan 5–6 tahun lebih, maka perlulah juga kita mengetahui sama ada kanak-kanak pada peringkat umur ini mengalami masalah untuk menguasai bentuk-bentuk KGND dalam bahasa Melayu. Jika ada, sejauh manakah ilmu pragmatik mampu menjelaskan kecaburan dalam penggunaan KGND dalam pertuturan kanak-kanak Melayu.

Kajian tentang pragmatik kanak-kanak Melayu perlu dijalankan kerana sehingga kini bilangan kajian dalam bidang tersebut amat berkurangan jika

dibandingkan dengan kajian tentang pragmatik kanak-kanak yang dijalankan di Barat. Contohnya, kajian Maybin, J. (1994), yang bertajuk, “*Story Voice: The used of Reported Speech in 10–12 old' Spontaneous Narratives*” dan kajian Maybin, J. (1994), *Children's Voice: Talk, knowledge and identity*. Kedua-dua kajian beliau membincangkan keperluan dan cara kanak-kanak menggunakan pengetahuan sosial untuk menyerlahkan identiti diri ketika mereka bercerita dan bertutur. Manakala kajian Romaine, S. (1984), *The Language of Children and Adolescents: The Acquisition of Communicative Competence* membincangkan keperluan kanak-kanak dan remaja menguasai kemahiran sosiolinguistik dan pragmatik supaya dapat menghasilkan ujaran dan berinteraksi mengikut konteks yang tertentu. Manakala kajian pragmatik di negara ini lebih cenderung kepada pragmatik orang dewasa, contohnya kajian Nor Hashimah Jalaluddin (1990, 1992, 1995, 1998), Jamaliah Mohd Ali (1995), Sew Jyh Wee (1996), dan Marsis Muhamad Nasir (1997).

Oleh itu, selain menambah bilangan kajian pragmatik kanak-kanak di Malaysia, hasil kajian ini juga dapat membantu ahli masyarakat memberi tunjuk ajar kepada kanak-kanak penutur jati bahasa Melayu agar dapat menguasai ciri-ciri kesantunan bahasa untuk tujuan berkomunikasi dengan lebih berkesan. Selain itu, kajian ini juga mendatangkan manfaat kepada para pengkaji bahasa kerana dapat memahami dan menguasai perlakuan bahasa dan bentuk komunikasi dalam kalangan kanak-kanak Melayu.

Justeru, objektif kajian ini adalah untuk membincangkan penggunaan KGND 'dia' dan 'kita' dalam pertuturan kanak-kanak Melayu dan kedua, membincangkan kekurangan penggunaan KGND 'dia' dan 'kita' dalam kalangan kanak-kanak Melayu boleh diselesaikan menggunakan Rangka Rujuk Silang.

Kata Ganti Nama Diri

Mengikut Nik Safiah Karim, *et al.*, (1996), KGND dirujuk sebagai perkataan yang menjadi pengganti kata nama khas atau nama am atau kata yang berdiri di tempat kata nama diri bagi manusia. Kata ganti nama diri bagi manusia terdiri daripada kata ganti nama diri orang pertama, kata ganti nama diri orang kedua, dan kata ganti nama diri orang ketiga.

Mengikut Arbak Othman (1989), KGND dirujuk kepada ganti nama diri orang pertama seperti *saya, aku, beta, patik, hamba, kami dan kita*, ganti nama diri orang kedua seperti *awak, kamu, anda, engkau, saudara, tuan, puan, tuanku*, dan ganti nama diri orang ketiga seperti *dia, ia, mereka, beliau, baginda, dan nya*.

Jadi, dalam kajian ini, penulis merujuk KGND sebagai sebagai perkataan yang menjadi pengganti kata nama khas bagi manusia. Kata ganti nama diri bagi manusia ini terdiri daripada kata ganti nama diri orang pertama, iaitu *saya, aku, beta, patik, hamba, kami* dan *kita, panggilan manja seseorang* (yang digunakan bagi membahaskan dirinya sendiri ketika bercakap dengan seseorang), ganti nama diri orang kedua, iaitu *awak, kamu, anda, engkau, saudara, tuan, puan, tuanku, kalian* dan ganti nama diri orang ketiga seperti *dia, ia, mereka, beliau, baginda, dan nya*.

Teori Relevan

Teori relevans yang diperkenalkan oleh Sperber dan Wilson (1986), dan diperkemaskan pada tahun 1995, menekankan kerelevan sesuatu ujaran adalah bergantung pada konteks, kesan konteks ataupun kognisi, dan usaha pemprosesan maklumat antara penutur dan pendengar. Mengikut Sperber dan Wilson (1986, 1995), yang dipetik daripada Nor Hashimah Jalaluddin, (1999), sesuatu ujaran itu harus mempunyai sifat-sifat yang jelas dan nyata. Apabila andaian daripada ujaran yang dihasilkan itu mudah dikesan oleh pendengar dan banyak bukti yang melatarinya, maka ujaran itu dapat dianggap sebagai ujaran yang bermanifestasi.

Oleh itu, penutur perlu membekalkan bukti kepada pendengar dengan cara membuat ujaran tersebut bermanifestasi dan penutur juga akan mencuba mengubah persekitaran kognitif pendengar dengan menambah jumlah set andaian pada persekitaran kognitif serta mencuba menghasilkan ujaran yang mudah dikesan dan dinilai oleh pendengar. Kenyataan ini dikenali sebagai prinsip relevan. Prinsip relevan menekankan bahawa, pertama, kognisi manusia berorientasikan relevan dan pendengar selalunya akan menumpukan perhatian kepada maklumat yang relevan dengan dirinya. Kedua, usaha memproses ujaran adalah tidak sama bagi pendengar, ada yang mudah dan ada yang susah. Oleh itu, penutur akan mencipta segala pengharapan yang relevan kepada pendengar untuk menginterpretasi ujaran tersebut. Interpretasi yang terbaik adalah interpretasi yang dapat mematuhi pengharapan ini (Sperber dan Wilson, 1995).

Justeru, adalah menjadi tanggungjawab penutur memastikan ujaran mereka mengandungi maklumat yang setimpal dengan perhatian pendengar dan memberikan maklumat yang relevan dengan penaakulan dan persepsi pendengar supaya pendengar dapat memberikan perhatian yang relevan dengan maklumat yang diterimanya. Penutur juga seharusnya cuba membawa pendengar bersetuju dengan persepsi mereka dengan memberikan premis-premis tambahan yang

ada dalam nahu kognitif mereka. Apabila premis tambahan yang diberikan setimpal dengan maklumat yang difahami oleh pendengar, maka ujaran itu dianggap relevan. Kerelevanan sesuatu ujaran bergantung pada kesan konteks / kognitif dan usaha pemprosesan maklumat. Semakin banyak kesan konteks / kognitif yang dapat dihasilkan, semakin relevan sesuatu ujaran itu dan semakin rendah kos pemprosesan maklumat, maka semakin relevanlah ujaran tersebut, (Nor Hashimah Jalaluddin, 1998).

Rangka Rujuk Silang

Rangka Rujuk Silang (seterusnya dikenali sebagai RRS) didefinisikan oleh Kempson (1986) sebagai sesuatu ujaran yang tidak mempunyai anteseden yang dapat mengaitkan ayat kedua dengan ayat pertama dalam satu wacana bagi membantu pendengar mentafsirkan ujaran tersebut. Anteseden yang diperlukan tidak wujud langsung sama ada daripada kandungan eksplisitnya maupun gambaran visualnya. RRS mesti melibatkan sekurang-kurangnya dua ayat selapis. Oleh hal yang demikian, penutur boleh membantu pendengar memahami ujarannya dengan memberikan premis tambahan yang dapat menjadi sebahagian daripada konteks. Pendengar pula akan menggunakan premis tambahan itu bagi mengesan anteseden yang diperlukan bagi memahami makna sebenar yang dihajati oleh penutur (Kempson, 1986, dalam Nor Hashimah Jalaluddin, 1992:58).

Dalam kajian ini, RRS digunakan untuk mendapatkan rujukan kata ganti nama diri (yang seterusnya dikenali sebagai KGND) ‘dia’ dan ‘kita’ terutama apabila timbulnya kecaburan penggunaan KGND dalam pertuturan kanak-kanak Melayu.

Dapatan Kajian

‘Dia’ sebagai KGND Orang Ketiga [+manusia]

Daripada kajian¹ yang dijalankan didapati kanak-kanak Melayu tahu menggunakan ‘dia’ sebagai KGND untuk merujuk orang ketiga. Berikut ialah beberapa contoh:

1. Data 38 Faizal : Cikgu semalam saya pergi taman tu, main longsor dengan dia (Tarmizi). Lepas tu dia turun naik

¹ Dapatan kajian ini adalah sebahagian daripada dapatan kajian penulis pada peringkat sarjana yang bertajuk, “Penggunaan Bahasa dalam Pertuturan Kanak-kanak Melayu-Satu Analisis Pragmatik”.

- benda itu. Kita buat macam ni kan (seperti orang menunggang kuda).
2. Data 104 Helmi : Saudara saya kat kampung kan, dia kan, ayah dia jual bunga api. Malam-malam dia ajak saya main bunga api.
3. Data 65 Wawa : Cikgu, Syamin, kan, dia koyak buku, cikgu.
Azmi : Orang nak kawan dia, dia tak nak kawan orang.

Daripada ketiga-tiga contoh di atas, jelas ‘dia’ merujuk kepada KGND 3 dan orang yang dirujuk itu tidak turut serta semasa perbualan sedang berlangsung. Pendengar tidak menghadapi masalah untuk mengecam ‘dia’ dalam Contoh 1 kerana ‘dia’ adalah merujuk kepada Tarmizi manakala ‘dia’ dalam Contoh 2 adalah merujuk kepada Saudara Helmi. Pendengar dapat membuat rujukan yang tepat berdasarkan konteks di mana ujaran itu berlaku. Maklumat konteks yang dibekalkan memudahkan pendengar mengenal pasti siapakah ‘dia’ yang dimaksudkan oleh penutur dalam Contoh 1 dan 2. Begitu juga dengan KGND ‘dia’ dalam Contoh 3. Dalam Contoh 3, ‘dia’ adalah merujuk kepada Syamin berdasarkan maklumat konteks yang dibekalkan lebih awal yang terdapat dalam ujaran Wawa; “Cikgu, Syamin, kan ...”

Dengan berpandukan konteks dan kesan konteks, pendengar berusaha memproses penggunaan KGND ‘dia’ yang terdapat dalam ujaran kanak-kanak ini, dan ternyata usaha yang diperlukan untuk memproses ujaran ini adalah rendah. Dalam teori relevan lebih rendah usaha memproses maklumat,¹⁷ maka lebih relevan ujaran tersebut.

Kesimpulanya, daripada 135 ujaran yang menggunakan KGND ‘dia’, didapati 95 atau 70.4 peratus daripadanya menunjukkan bahawa KGND ‘dia’ yang hadir dalam pertuturan kanak-kanak Melayu dirujuk kepada manusia sebagai KGND orang ketiga. Hal ini membuktikan bahawa kanak-kanak Melayu prasekolah sudah dapat memahami ciri-ciri semantik yang didukung oleh KGND ‘dia’.

‘Dia’ sebagai Benda Bukan Manusia [-manusia]

Daripada data yang diperoleh, jelas terdapat beberapa KGND ‘dia’ digunakan untuk merujuk benda lain selain manusia seperti kenderaan, buah-buahan, barang mainan, haiwan, dan alat tulis. Hal ini mungkin disebabkan oleh kebiasaan orang Melayu menggunakan ‘dia’ untuk merujuk juga kepada benda atau subjek kategori ketiga.

Daripada data yang diperoleh, terdapat beberapa contoh KGND ‘dia’ digunakan untuk merujuk kepada kategori bukan manusia. Berikut adalah sebahagian daripada contohnya:

4. Data 34 Ezzah : Cikgu saya suka makan buah itu.
 : Kulit dia warna hijau.
 : Isi dia warna kuning.
 : Kulit ada duri, tajam!.
5. Data 37 Tarmizi : Tayar dia pancit
Faizal : Cikgu, cikgu kereta saya tak rosak.
 : Tayar dia tak pancit.
6. Data 39 Ezzah : Telur ikan jaws.
Fatin : Oi, itu mana boleh makan.
 : Yang tu dia gigit orang. Yang cerita TV tu.
 : Bukan kita makan dia, dia makan kita.

Daripada data-data di atas, jelas menunjukkan KGND ‘dia’ boleh merujuk kepada benda yang tidak bernyawa dan penggunaan ‘dia’ tidak menampakkan kejanggalan kepada pendengar. Pendengar dapat memahami pertuturan kanak-kanak itu dan memahami penggunaan ‘dia’ berdasarkan konteks ujaran itu. Dengan berdasarkan konteks, pendengar sudah dapat memproses bahawa ‘dia’ dalam Data 34 adalah merujuk kepada buah durian. Hal ini dibuktikan melalui maklumat konteks buah itu yang terkandung dalam ujaran terdahulu. Manakala ‘dia’ dalam Data 37 adalah merujuk kepada kereta. Ini berdasarkan maklumat konteks ‘tayar’ yang diujarkan oleh Tarmizi. Dengan berpandukan maklumat konteks pendengar mudah memproses ujaran di atas, seterusnya mengenal pasti rujukan ‘dia’ dalam Data 37. Para pendengar dewasa sedia maklum bahawa manusia tidak mempunyai tayar.

Tayar merupakan sebahagian daripada aksesori yang hanya terdapat pada kenderaan. Oleh yang demikian ‘dia’ dalam ujaran Tarmizi dan Faizal adalah merujuk kepada kereta milik ayah mereka. Begitu juga halnya dengan ‘dia’ dalam Data 39. Berdasarkan maklumat konteks ‘telur ikan jaws’ yang diujarkan oleh Ezzah, pendengar dengan mudah dapat memproses KGND ‘dia’ yang terdapat dalam Data 39. ‘Dia’ adalah merujuk ikan jaws. Maklumat tambahan yang dibekalkan oleh Fatin menimbulkan kesan konteks yang tinggi bahawa ikan jaws memang gigit dan makan orang. Kebenaran

ini terbukti melalui cerita ‘Jaws’ yang pernah ditayangkan menerusi kaca televisyen. Para pendengar memang sedia maklum dengan fakta bahawa ikan jerung (jaws) adalah sejenis ikan yang ganas dan telurnya memang tidak boleh dimakan.

Walaupun ‘dia’ digunakan oleh kanak-kanak Melayu sebagai KGND yang merujuk kepada benda selain daripada manusia, iaitu sebanyak 40 daripada 135 ujaran (29.6 peratus) yang menggunakan KGND ‘dia’, namun kehadirannya sedikit pun tidak mengganggu proses komunikasi antara penutur dan pendengar kerana pendengar mudah memproses maklumat yang ingin disampaikan oleh penutur berdasarkan konteks, kesan konteks, dan kos proses.

Hal ini dianggap wajar kerana berdasarkan analisis pragmatik, konteks diambil kira. Inilah rasionalnya sesuatu ujaran itu diproses berdasarkan konteks sebagaimana yang disarankan oleh prinsip relevan. Selain itu, dapatan kajian ini menyerlahkan perkembangan kognitif kanak-kanak dan keupayaan mereka membuat persepsi, seterusnya membuat rujukan ‘dia’ sesuai dengan konteks. Sebagai kesimpulan, KGND ‘dia’ dalam konteks dan bentuk yang logik serta relevan, boleh dirujuk kepada benda lain selain daripada manusia.

Penggunaan KGND ‘Kita’ sebagai KGND Pertama Jamak

Dalam pertuturan kanak-kanak Melayu, penggunaan KGND ‘kita’ boleh mempunyai dua fungsi. Pertama, ‘kita’ berfungsi sebagai KGND pertama yang menunjukkan jamak, dan kedua, ‘kita’ berfungsi sebagai KGND pertama mufrad. Penggunaan KGND ‘kita’ sebagai KGND pertama jamak nampak jelas dalam data-data yang berikut:

7. Data 7 Hafeez : Heh, semua basuh tangan. Semua basuh tangan.
Atiqah : Jom kita basuh.
8. Data 22 Azian : Cikgu, dia orang main.
Hafeez : Eh, cikgu tak marah kita pun, ya.
 : Baik kita main patung KFC (mengajak kawan-nya, Helmi).
9. Data 43 Alia : Cikgu, kenapa nak ambil nama kita orang.
Cikgu : Cikgu ambil nama ini untuk tentukan siapa yang nak masuk kawat nanti.
Azian : Cikgu, kita orang dapat baju raya.
Cikgu : Mana baju raya?
Azian : Tu baju warna *pink*.

Daripada data-data di atas, jelas menunjukkan penggunaan KGND 'kita' memang merujuk sebagai KGND pertama jamak. Penggunaan KGND 'kita' sebagai KGND pertama jamak nampak jelas dengan adanya penggunaan kata penanda jamak seperti semua dan Jom dalam Data 7, kata pun dan orang dalam Data 22 dan 43. Penggunaan kata penanda jamak ini boleh dikenal pasti berdasarkan konteks ujaran serta konteks masyarakat Melayu. Konteks yang terbina daripada persepsi, pengalaman, dan seterusnya dikembangkan berdasarkan peristiwa yang berlaku di sekeliling, membantu pendengar menginterpretasi ujaran dengan wajar seterusnya mengenal pasti penggunaan bentuk-bentuk bahasa yang lazim digunakan oleh kanak-kanak Melayu. Berdasarkan konteks, pendengar dapat mengenal pasti siapakah 'kita' yang dimaksudkan oleh penutur ketika mengujarkannya.

'Kita' sebagai KGND Pertama Mufrad

Daripada hasil kajian didapati penggunaan 'kita' sebagai KGND pertama mufrad (menggantikan 'saya') lebih kerap digunakan, iaitu sebanyak 110 daripada 144 ujaran (76.4 peratus) yang menggunakan KGND 'kita' jika dibandingkan dengan penggunaan 'kita' sebagai KGND pertama jamak, hanya sebanyak 34 daripada 144 ujaran (23.6 peratus). Dapatkan ini jelas menunjukkan terdapat ciri kelainan penggunaan KGND 'kita' dalam bahasa Melayu ketika digunakan dalam komunikasi lisan berbanding dengan penggunaannya dalam komunikasi tulisan yang berbentuk formal. Penggunaan 'kita' sebagai KGND pertama mufrad dapat diperhatikan dalam data-data yang berikut:

10. Data 13 Wawa : Kau ada warna hitam ni.
 Izzati : Eh, jangan ambil tu.
 Wawa : Ala, kau mesti tak nak *colour*.
 Izzati : Kita tak nak pinjam le *colour* kau nanti.
 : Kita nak bagi dia, kita tak nak bagi Syamin.
11. Data 15 Alia : Cantik kita *colour*, tengok.
 : Cantik tau, kita *colour*.
 Wawa : *Colour* ibu dia.
12. Data 74 Izzati : Kita ada satu adik. Nak tahu nama siapa?
 Wawa : Hanif.
 Izzati : Hanif masa tu pergi sekolah. Kita lapan tahun.
 Wawa : Ha!

Izzati : Kita sebenarnya lapan tahun.
Wawa : Menipu.

Daripada Data 13, 15, dan 74 jelas menunjukkan penggunaan KGND ‘kita’ digunakan oleh penutur sebagai merujuk kepada diri penutur itu sendiri. ‘Kita’ dalam konteks ini bersifat mufrad. Hal ini dibuktikan menerusi maklumat konteks yang dibekalkan oleh penutur, iaitu penutur cuba menyampaikan sesuatu maklumat kepada kawannya yang bertindak sebagai pendengar. Secara logiknya, dalam perbualan yang melibatkan dua orang peserta, iaitu penutur dan pendengar, KGND yang lazim digunakan ialah KGND orang pertama ‘saya’ atau ‘aku’ dan KGND orang kedua ‘engkau’, ‘kamu’ atau ‘anda’. Walaupun kanak-kanak menggunakan KGND ‘kita’ sebagai KGND pertama mufrad dan penggunaan ini adalah bertentangan dengan penggunaannya dalam bahasa Melayu standard tetapi pendengar yang terdiri daripada penutur jati bahasa Melayu tidak menghadapi masalah memproses maklumat ini berdasarkan konteks situasi dan budaya masyarakat Melayu. Dalam kalangan orang Melayu KGND ‘kita’ lazim digunakan sebagai KGND pertama mufrad terutama dalam konteks yang tidak formal bagi menyerlahkan semangat kekitaan. Dengan merujuk kepada konteks, pendengar dapat mengenal pasti penggunaan KGND ‘kita’ dalam contoh data-data di atas. Berdasarkan konteks, ujaran ini lahir ketika penutur dan pendengar sedang melakukan aktiviti mewarna gambar. Maklumat konteks bagi ujaran tersebut membantu pendengar mendapatkan pengesahan KGND ‘kita’ yang dimaksudkan oleh penutur dalam ujarannya. Oleh yang demikian, pendengar dapat memproses makna ‘kita’ dengan mudah dan hanya memerlukan kos proses yang rendah. Apabila penggunaan ‘kita’ itu berjaya memberikan kesan kepada pendengar, maka ujaran itu dianggap sebagai relevan.

Daripada daptan kajian, didapati penggunaan ‘kita’ sebagai KGND pertama mufrad lebih kerap digunakan berbanding dengan ‘kita’ sebagai KGND pertama jamak.

1.2.1 Penggunaan Rangka Rujuk Silang (RRS) dalam Menyelesaikan Kekaburan Penggunaan KGND ‘Dia’ dan ‘Kita’

Kekaburan KGND ‘Dia’

Hasil daripada kajian yang dijalankan, didapati wujudnya kecaburan dalam penggunaan KGND ‘dia’ dalam pertuturan kanak-kanak Melayu. Kekaburan penggunaan KGND ‘dia’ dalam pertuturan kanak-kanak Melayu dapat dilihat dalam contoh yang berikut:

13. Data 22 Faizal : Cikgu, cikgu punya terjatuh kat bawah.
 : Dia terjatuh sendiri.
 Tarmizi : Kipas ni kuat sangat.
 : Saya nak tahan tapi dia terjatuh juga.
 : Ha, dia dah ambilkan.
 Faizal : Dia belum koyak lagi sebab dia jatuh kat sini.
 : Kat sini mana ada basah.
14. Data 25 Cikgu : Rumah di mana?
 Faizal : Dekat je. Jalan kaki.
 Nazrin : Cikgu, dia ada kat situ.
 : Abang bawa naik basikal, dia kejar kita.
 : Lepas abang dia ambil batu, dia lari.
15. Data 99 Hafiz : Cikgu, cikgu kereta ayah saya lampu dia terpecah.
 : Tersentuh dengan lori.
 Helmi : Cikgu-cikgu ada orang patah kaki terkena van.
 : Dia dulu duduk hospital, sekarang ni dah balik rumah.

Daripada data yang dipaparkan di atas, jelas menunjukkan terdapatnya ciri kecaburan dalam penggunaan KGND 'dia'. Bagi menjelaskan kecaburan ini, Rangka Rujuk Silang, (seterusnya dikenali sebagai RRS), yang terkandung dalam prinsip relevan diterapkan. Kekaburan KGND 'dia' dan 'kita' yang terdapat dalam pertuturan kanak-kanak Melayu akan dianalisis menggunakan RRS. Kekaburan KGND 'dia' dan 'kita' timbul apabila terdapatnya dua penggunaan KGND 'dia' dan 'kita' dalam satu perbualan, dan masing-masing mempunyai rujukan yang berbeza.

Dengan menggunakan RRS, kecaburan KGND 'dia' dan 'kita' dapat diselesaikan dengan menggabungkan maklumat konteks dalam ayat pertama dengan premis tambahan dalam ayat-ayat berikutnya. Gabungan ini dilakukan bagi mendapatkan kesan konteks, di samping membuktikan kepada pendengar bahawa konteks yang dibekalkan mengandungi premis tambahan yang mudah untuk diramalkan. Dengan itu, proses pengenalan anteseden mudah dilakukan berpandukan konteks dan maklumat konteks. Oleh yang demikian, RRS menjadi pilihan penyelidik untuk menyelesaikan kecaburan KGND 'dia' dan 'kita' yang terdapat dalam pertuturan kanak-kanak Melayu. Hal ini sekali gus membuktikan kewibawaan teori relevan dalam menginterpretasi makna ujaran kanak-kanak Melayu dengan berpandukan konteks,

kesan konteks, dan kos proses.

Seterusnya, konteks yang ditekankan dalam teori relevan membantu memberikan makna sebenar sesuatu ujaran itu. Dalam teori relevan ujaran diproses berdasarkan konteks dengan andaian maklumat yang dibekalkan oleh ujaran yang terdahulu selari dengan konsep yang relevan. Kesemua ini apabila diproses akan memberikan kesan konteks yang wajar pada sesuatu ujaran. Apabila ujaran itu berjaya memberikan kesan konteks yang tinggi, maka ujaran itu akan dianggap sebagai relevan.

Daripada data-data yang diperoleh, jelas menunjukkan kecaburan dalam penggunaan KGND ‘dia’ boleh diselesaikan menggunakan RRS yang terkandung dalam prinsip pragmatik. Jika diteliti KGND ‘dia’ dalam Data 22, iaitu; “Cikgu, cikgu punya terjatuh kat bawah. Dia jatuh sendiri”. merujuk kepada sesuatu kepunyaan cikgu telah jatuh dengan sendirinya. Dengan berpandukan konteks dan premis tambahan yang dibekalkan oleh penutur, iaitu “Kipas ni kuat sangat” dan “Dia belum koyak lagi” telah mengarahkan pendengar membuat andaian dan kesimpulan daripada ujaran itu bahawa ‘dia’ yang dimaksudkan adalah benda kepunyaan cikgu yang dikenal pasti bersifat ringan sehingga boleh terjatuh apabila terkena angin kipas. Benda ini juga diandaikan mudah koyak. Jadi berdasarkan konteks, pendengar memproses makna ‘dia’ yang terdapat dalam ujaran penutur. Di sinilah muncul juga peranan kognisi. Pendengar akan memproses KGND ‘dia’ berserta konteks sekeliling. Pada masa ujaran ini dilahirkan, kanak-kanak selaku penutur sedang melakukan aktiviti mewarna gambar dan benda-benda yang terlibat dalam aktiviti sedemikian adalah peralatan mewarna seperti warna dan gambar. Jadi, berdasarkan maklumat konteks “jatuh kat bawah”, kemudian digabungkan dengan maklumat baru “Dia belum koyak lagi” sebagai premis tambahan, pendengar dapat membuat kesimpulan bahawa ‘dia’ dalam ujaran ini adalah merujuk kepada gambar kepunyaan cikgu. Manakala ‘dia’ dalam ujaran “Ha, dia dah ambilkan” pula merujuk kepada manusia bernama Faizal. Dalam konteks ini hanya manusia yang boleh melakukan perbuatan ‘mengambil’. Hal ini dibuktikan lagi dengan premis tambahan “Dia belum koyak lagi....” Pendengar sedia maklum bahawa hanya orang yang berusaha mengambil gambar itu tahu keadaan gambar selepas gambar itu terjatuh ke bawah dititiup angin kipas. Dalam hal ini Kempson telah membuktikan bahawa RRS yang terkandung dalam prinsip relevan mampu menjelaskan kecaburan KGND ‘dia’ dalam pertuturan kanak-kanak Melayu.

Walau bagaimanapun, ‘dia’ dalam ujaran: “Dia ada kat situ” Data 25 memerlukan pendengar membuat andaian awal yang ada pada pendengar

tentang maklumat yang relevan dengan kognisi dan konteks. ‘Dia’ ada kat situ” boleh merujuk kepada manusia dan boleh juga merujuk kepada benda lain. ‘Dia’ dalam konteks ini begitu kabur dan pendengar memerlukan sedikit usaha memproses untuk mendapatkan makna rujukannya. Dalam hal ini, konteks membantu membekalkan maklumat yang boleh menjadi anteseden. Dengan berdasarkan maklumat konteks, ‘dia’ boleh dirujuk kepada sesuatu yang ada di kawasan tempat tinggal penutur. Hal ini dibuktikan menerusi ujaran, “Rumah di mana? Dekat je. Jalan kaki”. Kedua-dua ujaran ini menjadi anteseden kepada ayat “dia ada kat situ”. Seterusnya ujaran “Abang bawa naik basikal, dia kejar kita. Lepas abang dia ambil batu dia lari”, merupakan premis tambahan yang membantu pendengar menginterpretasi ujaran ini dengan wajar. “Dia kejar” tentunya merujuk kepada haiwan dan haiwan yang suka mengejar orang dan selalu berada di kawasan perumahan ialah anjing. Oleh yang demikian, pendengar dapat menginterpretasi makna ‘dia’ dalam ujaran tersebut. Dalam konteks ini ‘dia’ adalah merujuk kepada anjing. Maklumat ini adalah logik berdasarkan premis tambahan “abang dia ambil batu ‘dia’ lari”. Pendengar sedia maklum bahawa anjing memang lari jika dibaling dengan batu dan lazimnya orang ramai memang bertindak membaling batu ke arah anjing jika didapatinya anjing itu cuba hendak mengejar mereka. Hal ini berbeza dengan haiwan-haiwan lain yang ada di sekitar tempat tinggal kanak-kanak. Contohnya kucing, lembu, ayam, dan itik. Seterusnya ‘dia’ dalam ujaran “abang dia” tentunya merujuk kepada manusia, iaitu abang Faizal kerana hanya manusia yang boleh melakukan perbuatan ‘mengambil’ dan ‘membaling batu’ ke arah sesuatu. Jadi, jelaslah dalam ujaran ini ‘dia’ digunakan sebagai KGND 3.

Manakala dalam Data 99, kekaburan KGND ‘dia’ mudah diselesaikan berdasarkan konteks. Ujaran Hafiz: “lampu dia terpecah” jelas merujuk kepada lampu kereta ayah Hafiz. Maklumat konteks “kereta ayah saya” menimbulkan kesan kognitif pada pendengar tentang maklumat yang relevan dengan konteks dan dirinya. Maklumat baru ini menjadi anteseden bagi membantu pendengar membuat interpretasi yang relevan. Dengan premis tambahan yang diberikan oleh penutur menerusi ujarannya, “tersentuh dengan lori” pendengar memproses makna ‘dia’ dan ‘dia’ dalam konteks ini tentunya merujuk kepada benda bukan manusia kerana manusia tidak mempunyai lampu. Manusia ada mata dan anggota lain yang sudah dikenal pasti. Manakala ‘dia’ dalam ujaran “Dia dulu duduk hospital ...” jelas merujuk kepada KGND 3. Ini berdasarkan ujaran “Cikgu, cikgu ada orang patah kaki terkena van.” Ujaran ‘ada orang’ ini menjadi anteseden bagi menjelaskan rujukan ‘dia’ dalam konteks ujaran ini.

Melalui contoh-contoh di atas, terbukti penggunaan RRS telah dapat menyelesaikan kekaburuan KGND ‘dia’ yang terdapat dalam pertuturan kanak-kanak Melayu. Inilah kelebihan yang diperoleh oleh penutur dan pendengar apabila makna sesuatu ujaran itu diinterpretasi menggunakan pendekatan pragmatik. Makna sebenar ujaran dapat difahami dan hajat penutur dapat disampaikan dengan wajar.

Kesimpulannya, walaupun terdapat kekaburuan dalam penggunaan KGND ‘dia’ dalam pertuturan kanak-kanak Melayu, namun masalah kekaburuan ini dapat diselesaikan dengan mudah menggunakan RRS yang terkandung dalam prinsip relevan. Pendengar dapat mengesan makna ujaran yang dihajati oleh penutur berdasarkan premis tambahan yang dibekalkan oleh penutur serta konteks di mana ujaran itu berlaku. Tanpa pemahaman pendengar, segala hajat yang ingin disampaikan oleh penutur akan tergendala.

Kekaburuan KGND ‘kita’

Daripada data yang diperoleh, terdapat juga ciri kekaburuan penggunaan KGND ‘kita’ dalam pertuturan kanak-kanak Melayu. Perhatikan contoh yang berikut:

16. Data 61 Izzati : Oi, abang kita selalu *colour* tangan dia warna oren.
 Wan : Kita selalu lukis orang.
 Atiqah : Kita nak *colour* comel-comel sangat.
 Izzati : Eh, kalau kita dah siap, kita boleh tolong dia orang.
 Wan : Eh, *sorry* lah. Kita tak nak tolong kau.
 : Kita kalau siap kita tak dapat tolong kau.
 Izzati : Eh, Kesian dia tau.
17. Data 90 Cikgu : Hari ini kita makan apa?
 Alia : Makan nasi (nasi minyak).
 Shakila : Oi, kita makan nasi orang kahwin.
 Alia : Hari itu kita pergi tengok orang kahwin.
 : Cantik macam agong.
18. Data 92 Shakila : Mari kita buat sama-sama, ya.
 Azian : Aha.
 Alia : Eh, ini kita punya. Tak mahu le ambil.
 Shakila : Esok kita sambung warna.
 Alia : Eh, esok kita nak berlatih dekat padang kan, kan?

Azian : Aha, cikgu, kita semua kan berlatih.

Cikgu : Esok kita sambung.

Shakila : Tapi cikgu datanglah pukul 8.00 Jangan le pukul 10.00. Nanti kita semua berlatih.

Daripada contoh-contoh di atas jelas menunjukkan ciri kecaburan pada KGND ‘kita’. Jika diteliti, KGND ‘kita’ dalam ujaran di atas mempunyai fungsi yang berbeza. Misalnya dalam Data 61, pemilihan rujukan bagi KGND ‘kita’ harus dilakukan dengan wajar. Di sini munculnya peranan pragmatik, dan bagi menyelesaikan masalah kecaburan ini RRS diterapkan. Kempson telah membuktikan teori relevan dapat digunakan untuk menyelesaikan kecaburan dalam KGND bahasa Melayu.

Berdasarkan Data 61, KGND ‘kita’ dalam ujaran Izzati “abang kita”, “kita selalu lukis orang” dalam ujaran Wan dan “Kita nak colour” dalam ujaran Atiqah jelas menunjukkan ‘kita’ sebagai KGND pertama mufrad, iaitu yang merujuk kepada penutur sahaja. Hal ini dibuktikan dengan maklumat konteks yang dibekalkan oleh penutur iaitu “abang kita” bermaksud abang Izzati. Begitu juga halnya dengan ujaran seterusnya. Kehadiran kata “kita selalu” dan “Kita nak” merupakan unsur genitif yang mewakili KGND pertama mufrad. Hanya penutur sendiri yang boleh menyatakan sesuatu mengikut kehendaknya. Pendengar pula mudah mengesan rujukan ‘kita’ daripada konteks ujaran serta konteks masyarakat pengguna bahasa itu sendiri. Bagi membolehkan pendengar memahami perbezaan KGND ‘kita’ pertama mufrad dengan KGND ‘kita’ pertama jamak yang wujud dalam ujaran ini, penutur akan memberikan premis tambahan yang dapat menjadi sebahagian daripada konteks. Premis tambahan yang dibekalkan, iaitu “Eh, sorry le. Kita tak nak tolong kau. Kita kalau siap kita tak dapat kau.” dalam ujaran Wan jelas menunjukkan ‘kita’ sebagai KGND pertama jamak yang diujarkan kepada Atiqah. Ujaran Wan dibuktikan oleh ujaran Izzati yang menjadi premis tambahan. Ujaran seterusnya, iaitu “Eh, kalau kita dah siap, kita boleh tolong dia orang” juga menunjukkan ‘kita’ sebagai KGND pertama jamak. Penggunaan kata seruan ‘Eh’ dalam konteks ini berfungsi sebagai penanda jamak yang menyeru orang lain untuk turut serta. Dengan itu KGND ‘kita’ dalam konteks ujaran ini merujuk kepada Izzati dan Wan yang sama-sama enggan menolong Atiqah tetapi sanggup menolong kawan yang lain. Keengganan mereka menolong Atiqah adalah berpunca daripada ujaran Atiqah “kita nak colour comel-comel sangat.” Daripada konteks tadi, ujaran Atiqah ini boleh menimbulkan nilai rasa kurang senang dalam kalangan kawan-kawannya, selaku pendengar. Ujaran Atiqah ialah premis

tambahan yang membolehkan pendengar mengesan anteseden, seterusnya mendapatkan rujukan ‘kita’ dalam perbualan yang berlangsung antara Izzati, Wan, dan Atiqah. Di samping itu juga, ujaran Atiqah telah menyebabkan timbul rasa meluat dalam kalangan kawan-kawannya kerana Atiqah telah mengujarkan sesuatu yang menonjolkan sifat sombang dan berlagak.

Berlainan pula halnya dengan ‘kita’ dalam ujaran Shakila Data 90. Ujaran “Oii, kita makan nasi orang kahwin” dengan jelas menunjukkan jamak. Penggunaan kata seruan ‘Oii’ menimbulkan kesan konteks, sekali gus merupakan penanda jamak yang membuktikan bahawa ‘kita’ dalam konteks ini adalah merujuk kepada dua atau lebih peserta yang terlibat. Berdasarkan konteks ujaran, peserta yang terlibat adalah Alia, Shakila dan kawan-kawan mereka. Hal ini dibuktikan melalui ujaran cikgu, “Hari ini kita makan apa?” ujaran cikgu ini merupakan pengenalan anteseden dalam membekalkan maklumat konteks bagi membolehkan pendengar menyelesaikan kecaburan KGND ‘kita’ dalam ujaran ini.

Walau bagaimanapun, ‘kita’ dalam ujaran Alia, “Hari itu kita pergi tengok orang kahwin ...” adalah merujuk kepada KGND pertama mufrad. Hal ini dibuktikan menerusi ujaran Alia seterusnya, “Cantik macam agong.” Ujaran ini adalah premis tambahan yang menjadi sebahagian daripada maklumat konteks bahawa penutur telah pergi ke majlis perkahwinan dan seterusnya dapat menceritakan perihal pengantin. Ujaran Alia dapat diterima sebagai relevan kerana ada kaitannya dengan konteks ujaran yang pada mulanya berkisar pada topik ‘makan nasi minyak’ atau ‘nasi orang kahwin’. Maklumat yang diujarkan oleh Alia juga menyerlahkan perjalanan pemikiran penuturnya yang bermula daripada satu persoalan topik, iaitu “Hari ini kita makan apa?” Dalam hal ini penerapan teori relevan dianggap benar-benar wajar kerana teori ini dapat menginterpretasi makna ujaran kanak-kanak Melayu yang aktif berfikir dan bertutur sekali gus memanfaatkan pengalaman mereka dalam ujaran yang relevan dengan topik yang sedang dibicarakan.

Begini juga dengan kecaburan KGND ‘kita’ dalam Data 92. Daripada Data 92 terdapat kecaburan penggunaan KGND ‘kita’ daripada penutur yang sama. Walau bagaimanapun, kecaburan ini juga dapat diselesaikan dengan menggunakan RRS. Ujaran Shakila, “Mari kita buat sama-sama ya,” jelas menunjukkan penggunaan KGND ‘kita’ pertama jamak. Hal ini dibuktikan melalui penggunaan kata sama-sama sebagai penanda jamak. Kata sama-sama ini menunjukkan satu ajakan daripada penutur kepada pendengar yang hadir dalam konteks ujaran ini untuk melakukan sesuatu. Walau bagaimanapun, ujaran Alia. “Eh, ini kita punya. Tak mahu le ambil” mendukung fungsi yang berbeza. Kata ‘Kita punya’ merupakan unsur genetif

dan dalam konteks ujaran ini, kata ‘kita’ merujuk sebagai KGND pertama mufrad. Premis tambahan yang dapat membantu pendengar membuat rujukan yang tepat terhadap KGND ‘kita’ sebagai KGND pertama mufrad terdapat dalam frasa “...Tak mahu le ambil”. Frasa ini menunjukkan satu arahan larangan. Secara logik jika sesuatu barang itu milik peribadi, pemilik itu berhak melarang seseorang daripada mengambil barang kepunyaannya. Hal ini berbeza dengan penggunaan ‘kita’ sebagai KGND pertama jamak. Dalam ujaran yang menggunakan ‘kita’ sebagai KGND pertama jamak, pendengar dapat mengesan penanda jamak yang sering digunakan oleh penutur, seperti kata penegas ‘kan’ seperti yang terdapat dalam ujaran Alia, Data 92 baris ke-5, kata “kita semua” seperti yang terdapat dalam ujaran Azian, Data 92 baris ke-6, dan dalam ujaran Shakila, Data 92 baris ke-10. Dengan menggunakan maklumat konteks serta premis tambahan yang dibekalkan oleh penutur, terbukti penggunaan RRS telah dapat membantu pendengar menginterpretasi kecaburan KGND ‘kita’ yang wujud dalam pertuturan kanak-kanak Melayu. Inilah kelebihannya membuat penginterpretasian makna ujaran dengan berlandaskan konteks, dan cara ini hanya dapat dilakukan menggunakan pendekatan pragmatik.

KESIMPULAN

Daripada perbincangan di atas, jelas menunjukkan ciri kecaburan pada KGND ‘dia’ dan ‘kita’ boleh diselesaikan menggunakan RRS yang terkandung dalam teori relevan. Maklumat pragmatik memang diperlukan bagi mengesan rujukan bagi setiap KGND yang hadir dalam pertuturan kanak-kanak. Apabila wujud masalah kecaburan atau wujudnya lebih daripada satu KGND yang memerlukan rujukan yang sesuai, pendengar sewajarnya merujuk kepada konteks ujaran tersebut. Berbekalkan konteks ditambah dengan premis tambahan yang dibekalkan oleh penutur, pendengar dapat membuat interpretasi yang wajar bagi mengesan hajat penutur. Hal ini selari dengan prinsip relevan yang menjadi tonggak dalam kajian ini. Mengikut prinsip relevan, mana-mana interpretasi yang sesuai, berdasarkan kepada konteks, kesan konteks, dan usaha memproses serta selari dengan prinsip relevan, maka interpretasi itulah yang akan dianggap wajar dan dijadikan pilihan utama. Jadi, walaupun pada mulanya penggunaan KGND ‘dia’ dan ‘kita’ mempunyai ciri kecaburan, namun penggunaannya masih boleh dianggap relevan. Hal ini adalah kerana kanak-kanak Melayu lebih merujuk kepada suasana kekitaan daripada perseorangan. Jadi, penggunaan KGND ‘dia’ dan ‘kita’ agak lazim digunakan mengikut suasana masyarakat itu

sendiri dalam suasana separuh formal tanpa ada had atau sempadan linguistik.

RUJUKAN

- Asmah Haji Omar, 1995. "Kajian Bahasa Melayu dalam Usaha Mempertingkatkan Mutu Pengajaran Bahasa Melayu", *Kertas Dasar Kongres Bahasa Melayu Sedunia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Grundy, P., 1995. *Doing Pragmatics*. Great Britain: Edward Arnold.
- Juriah Long, 1993. "Pemerolehan Imbuhan pada Peringkat Prasekolah dan Implikasinya terhadap Pendidikan Bahasa". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, 1993. "Garis Panduan Kurikulum Pendidikan Prasekolah Malaysia". Kuala Lumpur.
- Levinson, S., 1978. *Pragmatics*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Marsis Muhammad Nasir, 1997. Perkembangan Makna dari Semantik ke Pragmatik. *Jurnal Dewan Bahasa*, 41 (11): 1008–1022.
- Maybin, J., 1994. *Children's voices: Talk, knowledge and identity*. Dlm D. Graddol, J. Maybin dan B. Stierer (eds.) *Researching Language and Literacy in Sosial Context*. Clevedon: Multilingual Matters.
- Mey, J., 1993. *Pragmatics: An Introduction*. Oxford: Blackwell Publishers.
- Nor Hashimah Jalaluddin, 1991. "Kekaburuan dalam Ganti Nama Melayu Sarawak: Masalah dan Penyelesaiannya". *Jurnal Dewan Bahasa*, 35(10): 873–884.
- Nor Hashimah Jalaluddin, 1992. *Semantik dan Pragmatik: Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin, 1995. *Bahasa Jual Beli dalam Perniagaan Runcit: Satu Analisis Semantik dan Pragmatik*. Tesis Ph.D. Universiti Malaya, 1995.
- Nor Hashimah Jalaluddin, 1998. *Bahasa, Sosialisasi, dan Kognitif: Satu Pendekatan Teori Relevan*. *Jurnal Dewan Bahasa*, 42 (12): 1084–1093.
- Nor Hashimah Jalaluddin, 1999. *Relevan Komunikasi dan Kognisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Romaine, S., 1984. *The Language of Children and Adolescents: The Acquisition of Communicative Competence*. Oxford: Blackwell.
- Samarin, W., 1967. *Field Linguistics: A Guide to Linguistic Field Work*. New York: Holt Rinehart and Winston Inc.
- Sperber, D., & Wilson, 1986a. *Relevance Theory: Communication & Cognition*. Oxford: Basil Balckwell.
- Zulkifley Hamid, 1991. "Pentafsiran Makna Pragmatik sebagai Kaedah yang Lebih Lengkap", *Jurnal Dewan Bahasa*, Kuala Lumpur, 35(7): 570–575.